

DATE: 20/ 11/ 2009

Lantik Dr. Mahathir Duta Khas Malaysia - Ibrahim Ali

KUALA LUMPUR 19 Nov. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dicadang supaya dilantik sebagai Duta Khas Malaysia ke negara-negara jiran bergolak yang untuk membantu menyelesaikan kemelut yang berlarutan tanpa penyelesaian di negara terbabit.

Datuk Ibrahim Ali (Bebas - Pasir Mas) berkata, ketokohan dan kewibawaan beliau amat dihormati oleh negara-negara berkenaan dan ia merupakan nilai tambah berguna kepada Malaysia dan ASEAN serta negara-negara ketiga bagi mewujudkan

persekitaran serantau yang lebih aman dan harmoni.

Malah, katanya, dalam kebanyakan kemelut serantau yang berlaku mempunyai kaitannya dengan usaha Dr. Mahathir sebelum ini seperti cadangan mewujudkan kuasa autonomi di empat wilayah yang bergolak di selatan Thailand dan nasib minoriti Islam di selatan Filipina.

"Dalam menangani isu seperti ketegangan di Indonesia, Thailand dan Myanmar amat memerlukan seorang tokoh atau diplomat yang berwibawa dan saya yakin Dr. Mahathir layak

UM - 20/11/09
kerana mempunyai segala yang diperlukan, malah pelantikan sebagai duta khas lebih sesuai daripada dilantik sebagai menteri kanan.

"Saya rasa lebih baik beliau bergerak bebas di luar negara kerana sebelum dilantik sebagai menteri kanan pun pendapat dan buah fikiran beliau tidak disenangi oleh ramai pihak," katanya semasa membahaskan Bajet 2010 pada peringkat jawatankuasa bagi Kementerian Luar di Dewan Rakyat di sini hari ini.

Tambah Ibrahim, kedudukan Dr. Mahathir sebagai Pengerusi Pertu-

buhan Keamanan Sedunia Perdana juga amat bersesuaian dengan cadangan pelantikan itu.

Malah, katanya, Persidangan Antarabangsa Menjenayahkan Perang di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini baru-baru ini juga telah mendapat sambutan membe-rangsangkan dengan kehadiran tokoh dan negarawan daripada seluruh negara yang terlibat sebagai ahli panel dan memberikan sokongan.

"Walaupun sudah berusia tetapi saya yakin beliau amat berkemampuan dan begitu sihat serta aktif

memperjuangkan keamanan sejagat. "Beliau juga aktif menulis dalam blognya yang dilayari oleh berjuta-juta pelawat dari seluruh dunia," katanya.

Mengulas isu sama, Ibrahim juga mencadangkan supaya Dr. Mahathir terlibat dalam lawatan kerja Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ke Thailand pada 8 dan 9 Disember ini bagi membincangkan isu mengenai pemberian kuasa autonomi itu.

Dalam pada itu, beliau meminta penjelasan dari Kementerian Luar

sama ada isu pihak ketiga yang dakwa menjadi dalang dalam ketegangan hubungan antara Malaysia dan Indonesia turut dibincangkan dalam lawatan Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono ke negara ini baru-baru ini.

Sebelum ini, Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman semasa sidang Dewan Rakyat mendedahkan bahawa ketegangan hubungan antara negara ini dan Indonesia baru-baru ini berpunca daripada peranan pihak ketiga yang cuba memperbesar-besarkan isu kecil.